



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ISMAIL
USAHAWAN**

OLEH:

IKRAM BIN SAHIBULLAH ZAHIDI	2013338107
MUHAMAD SAFWAN BIN AWANG	2013997767

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ISMAIL
USAHAWAN

OLEH:

IKRAM BIN SAHIBULLAH ZAHIDI	2013338107
MUHAMAD SAFWAN BIN AWANG	2013997767

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Temubual ini disokong oleh pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Machang, Kelantan. Kami mengucapkan terima kasih kepada pensyarah, Pn. Nurulannisa Binti Abdullah yang telah memberi tunjuk ajar, dan bimbingan dalam menyiapkan dokumentasi lisan berkaitan dengan subjek IMR604 Pendokumentasian Sejarah Lisan.

Kami mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan kami daripada Fakulti Pengurusan Maklumat Cawangan Kelantan yang telah memberikan wawasan, bimbingan dan semangat yang banyak membantu dalam kami menyiapkan tugas ini.

Kami juga ingin menunjukkan rasa terima kasih kami kepada Tuan Haji Abdul Aziz Bin Haji Ismail kerana sanggup berkongsi maklumat mengenai pengalaman dan sejarah kehidupan beliau dengan kami dalam temubual ini. Tanpa maklumat yang beliau sampaikan, kami mungkin tidak dapat menyiapkan tugas ini dengan sempurna.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara tokoh dan pelajar dan bersama Ikram Bin Sahibullah Zahidi pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Machang, Kelantan dengan Tuan Haji Abdul Aziz seorang bekas pengerusi syarikat pembinaan KB18 di Kota Bharu, Kelantan. Temubual ini dilakukan atas matlamat untuk mendapatkan maklumat mengenai pengalaman dan juga sumbangan yang mungkin disumbangkan oleh Tuan Haji Abdul Aziz. Berdasarkan temubual yang dijalankan antara maklumat diperolehi adalah seperti latarbelakang tokoh, pendidikan, pengalaman pekerjaan dan sebagainya. Daripada persoalan yang dijawab oleh Tuan Haji, kami mendapat tahu serba sedikit perkara yang menjadi faktor kepada wujudnya syarikat yang bernama KB18. Semuanya bermula daripada usaha dan pengalaman yang diperolehi daripada bekerja dengan organisasi lain dan juga atas minat. Minat yang ada juga akan menjadi penyumbang kepada kejayaan menjalankan sesuatu perniagaan atau pekerjaan, kerana tanpa minat tidak berguna juga sesuatu perkara itu dilakukan. Selain itu, daripada temubual yang dijalankan, kami mendapat tahu bahawa dalam membina diri untuk menjadi suatu aset yang terbaik, tidak semestinya perlu berilmu tinggi, tapi perlulah beserta usaha dan pengalaman. Kami juga mengetahui bahawa Tuan Haji telah menyumbang kepada perkembangan kawasan perumahan disekitar negeri Kelantan.*

Kata kunci: *Universiti Teknologi Mara (UiTM), organisasi, KB18*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	ix
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02
Bahagian 2: Pendidikan.....	10
Bahagian 3: Pengalaman Dalam Pekerjaan.....	15
Bahagian 4: Mengenai Syarikat	20
Bahagian 5: Pencapaian.....	25
Bahagian 6: Sumbangan.....	26
Bahagian 7: Pendapat dan Pandangan.....	28
Rujukan.....	38
Lampiran	
Log Wawancara.....	40
Diari Kajian.....	44
Senarai soalan.....	45
Surat Perjanjian.....	51
Gambar.....	52
Indeks.....	54

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Tuan Haji Abdul Aziz Bin Haji Ismail
Tempat Lahir : Kota Bharu, Kelantan.
Tarikh Lahir : 19 November 1945
Isteri : Hasmah Abdullah
Anak-Anak : Mohd Nasroon
Mohd Nazri
Nor Azlin
Siti Sarah
Pendidikan : Sekolah Kebangsaan Kota, Kota Bharu, Kelantan
Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu, Kelantan

PENGENALAN

PENGENALAN

Memilih seseorang untuk di wawancara adalah satu perkara yang sukar, begitu juga dengan topik yang boleh kita Tanya kepada seseorang itu. Proses memilih tokoh yang terbaik dan layak untuk ditemubual bukanlah perkara mudah tetapi sukar dari segi mencari orang yang pakar dalam sesuatu perkara itu. Sebagai contoh, seorang jurutera adalah pakar dalam reka bentuk bangunan itu tetapi adakah kita tahu jika dia pakar dalam bidang yang lain juga. Itulah soalan yang menjadi tanda tanya ketika hendak memilih seorang tokoh.

Dalam kes ini kami memilih Tuan Haji Abdul Aziz Bin Haji Ismail sebagai tokoh kami, beliau diwawancara berdasarkan kriteria tertentu. Antaranya adalah berdasarkan kepada sumbangan dan pengalaman beliau. Berdasarkan kajian yang telah kami lakukan, kami mendapati bahawa Tuan Haji Abdul Aziz menyumbang kepada pembangunan kawasan perumahan di Kelantan. Tambahan pula, beliau mempunyai banyak pengalaman yang boleh di ambil iktibar oleh generasi muda zaman sekarang.

Berdasarkan daripada pemahaman kami, kami mendapat tahu bahawa beliau memberi sumbangan yang besar dalam pembangunan kawasan perumahan di wilayah negeri Kelantan.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisahkan tentang pengalaman Tuan Haji Abdul Aziz dalam menjalankan perniagaan sebagai pengerusi KB18, sebuah syarikat pembinaan di Kota Bharu, Kelantan. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

THAA: Tuan Haji Abdul Aziz

IK: Ikram

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

IK : Bagaimanakah saya perlu panggil Encik?

THAA : Pak Cu, kalau orang luar panggil *gapo* [apa-apa] boleh, apabila luar panggil *gapo* [apa] pun boleh, jangan panggil datuk sudah, datuk *doh* [dah] jadi, *tokseh* [tidak mahu] dah.

IK : Kalau macam itu, saya panggil Encik, Tuan Haji. Baiklah, mula-mula saya nak bertanya tentang latar belakang, nama Tuan Haji, nama panjang Tuan Haji?

THAA : Haji Abdul Aziz Bin Ismail.

IK : Selain dari nama Tuan Haji, nama-nama gelaran lain Tuan Haji?

THAA : Nama gelaran lain *takde* [tiada], nama gelaran lain nama *glamor* [popular] KB18, *gi* [pergi] tanya mana pun.

IK : Bagaimana pula tentang usia atau umur Tuan Haji?

THAA : Umur enam puluh lapan *loni* [sekarang].

IK : Bagaimana pula dengan tarikh lahir Tuan Haji?

THAA : 1945 *tak* [tidak] tolak lagi *tu* [itu]. Kalau tolak-tolak tu rasanya bulan 9 [September], ha bulan 11 [November] *ni* [ini].

IK : Tempat Tuan Haji dilahirkan?

THAA : Serupa, kat tempat *tu* [itu], *Kota* [Kota Bharu].

IK : Dibesarkan dimana?

THAA : Di *Kota* [Kota Bharu] juga.

IK : Tempat menetap Tuan Haji dimana?

THAA : Menetap disini, di Lorong Seri Kedondong.

IK : Keluarga Tuan Haji pula bagaimana?

THAA : Hmm, empat, lima, enam dengan cucu *gapo* [lagi] pula. Ada banyak lagi, *dop* [tidak] la, dia amik anak je, dalam empat, lima, enam [bilangan anak-anak].

IK : Nama ibu bapa Tuan Haji?

THAA : Bapa, Ismail Bin Ahmad. Ibu pula Limah, Limah Binti Ismail.

IK : Status ibu bapa Tuan Haji sekarang?

THAA : Status *tu* [itu], rakyat Malaysia.

IK : Bukan itu maksud saya, dia macam ini contohnya adakah dia bekerja sekarang ini?

THAA : Oh, bapa kerja dengan pejabat pertanian. Tok *takde* [tiada] dah, dah tua *ni* [ini].

IK : Mengenai adik beradik, Tuan Haji sudah beritahu ke?

THAA : Dah tadi, Nasrun, Nazri.

IK : Tidak, maksud saya adik beradik Tuan Haji?

THAA : Oh, ada empat orang.

IK : Tuan Haji anak yang ke berapa?

THAA : Yang *ke-tiga* [3]

IK : Tuan Haji sudah berkahwin?

THAA : *Dop* [tidak] lagi (*ketawa*), yang *ke-tiga* [3], *ke-empat* [4] *dop* [tidak] lagi. Yang *ke-tiga* [3] ada la, yang *ke-empat* [4] *dop* [tidak] lagi (*ketawa*).

IK : Berapa lamakah Tuan Haji sudah berkahwin?

THAA : Oihh, berapa puluh eh? Lima puluh, enam puluh? Tahun berapa eh? 1940 tolak 40, Nazri dah empat puluh dah. Katakan tahun 1925, empat puluh, 45 tahun la.

IK : Siapakah nama isteri Tuan Haji?

THAA : Isteri, Hasmah Abdullah. Nak *oyap* [beritahu] semua ke? *So* [satu] *je* [sahaja] ada dah (*ketawa*).

IK : Pekerjaan isteri Tuan Haji?

THAA : Ah, dia itu ada la, pencen dah. Dia kerja hospital dulu.

IK : Tuan Haji ada anak lelaki, perempuan?

THAA : Ada, lelaki ada dua, perempuan ada dua.

IK : Jadi bilangan anak itu, ada empat?

THAA : Aah, empat la, dua dua.

IK : Nama anak-anak dari sulung?

THAA : Aah, *tu* [itu] Nasrun dengan Nazri. Nasrun, Nor Azlin, Siti Sarah.

IK : Aktiviti yang keluarga Tuan Haji lakukan bersama-sama?

THAA : *Takde* [tiada], dia *sorang* [seorang] *je* [sahaja]. Yang lain kerja *belako* [semua]. Nazri arkitek, Nomi, bahagian *medic* [perubatan], yang Sarah tu dia SISHO, company mana *tu* [itu], jadi executive situ.

IK : Maksud saya, aktiviti itu adalah aktiviti yang dilakukan bersama-sama dengan keluarga. Contohnya buat gotong-royong bersama ke?

THAA : *Takde* [tiada] la, dah duduk jauh. Ada *sorang* [seorang] *je* [sahaja] yang *duk* [duduk] rumah *ni* [ini]. Dia ada la, dia *partnership* [rakan kongsi].

IK : Saat atau memori terindah Tuan Haji bersama keluarga?

THAA : *Takde* [tiada] masalah.

IK : Hobi Tuan Haji dimasa lapang?

THAA : Masa lapang, ada la saya bermain tenis. *Tak* [tidak] pun jaga kawasan rumah, yang *tu* [itu] *je* [sahaja]. *Game* [permainan] tenis, kelab dekat Kota Bharu.

IK : Hobi Tuan Haji itu dikongsi dengan keluarga?

THAA : *Takde* [tiada].

IK : Siapakah orang yang terpenting dalam hidup Tuan Haji?

THAA : Penting apa dia ye? Sama *je* [sahaja].

IK : Orang yang penting, kira bawa sampai ke sekarang?

THAA : Yang ada dengan *company* [syarikat] *ni* [ini], Nasrun la. Kiranya kalau ada masalah anak-anak atau adik beradik dia ke, dia yang akan tolong. Kita ada satu *farm* [simpanan] *tu*, yang boleh tolong siapa yang susah. Contoh macam jatuh dalam perniagaan ke, akan tambah guna *farm* [simpanan] *tu* [itu], dia yang *control* [kawal] *tu* [itu].

IK : Idola Encik siapa?

THAA : *Takde* [tiada] rasanya. Ada pun *hok* [yang] bodoh *belako* [semua]. Ada la satu, Dr. Mahathir. Ironman *tu* (*ketawa*).

IK : Prinsip hidup Tuan Haji?

THAA : Prinsip hidup, jangan susah masa tua. Itu yang nak pesan *kat* [dekat] mana yang ada. Jangan cari susah masa tua, *hok* [yang] *tu* [itu] kena fikir masa tua. Nak *joli* [berbelanja] ke *gapo* [apa-apa], dari muda kena fikir. Yang *tu* yang *Pak Cu* [Tuan Haji] *tu* [itu] kereta sport pun ada, S-class pun ada, Jeep pun ada, motor pun ada, motor besar *tu* [itu]. *Pastu* (Selepas itu) kita jaga dulu, *dia* [orang] nak kata apa

pun *tak* [tidak] tahu, sebab kita dah beli dulu. Kita bincang ke *dop* [tidak] yang kita tahu kita nak benda *tu* [itu]. Nak beli *goni* [macam ni], kita kena cari kerja dulu, barulah *tak* [tidak] jadi susah. Orang muda kena ingat waktu susah dulu, jangan susah waktu tua, susah waktu tua sudah (*mengeluh*). Niaga waktu muda *ni* [ini], *setara* [waktu] ini naik-naik kena jaga waktu tua *tu* [itu]. Dia niaga ini *takde* [tiada] gear. Dia roda, dia naik-naik, *kala* [kadang-kala] dia turun. Tapi kena jaga la, masa naik *tu* [itu] kena jaga tu. *So* [satu] je, jangan bagi susah waktu tua, tu dah *hit point* [kemuncak] dah *tu* [itu]. Dia kira sendiri la, *start* [mula] dari budak *ni* [ini], jangan bagi susah waktu tua. *Pasal* [sebab] pak cik *ni* [ini] waktu budak *tak* [tidak] *caro* [kisah] dengan *ore* [orang], *tak* [tidak] minta *pitih* [duit] dengan *ore* [orang]. *Tak* [tidak] minta tolong dengan *ore* [orang], nak niaga pun *tak* [tidak] minta *pitih* [duit] punya. Keturunan pun susah *belako* [semua]. Keturunan *ni* [ini] dia asing-asing la, ada Cina. *Sain-sain* [kawan-kawan] kita *tu* [itu] la, boleh kerja, dia bagi barang. Itu *je* [sahaja], jangan bagi susah waktu tua, itu *je* [sahaja]. Jaga-jaga, prinsipnya, *ore* [orang] pegang tu *so* [satu], selamat hidup. Banyak orang jutawan jatuh, banyak datuk naik *gi* [pergi] kena tarik. Tarik tu, sebab ada kes la *tu* [itu]. Duit *tak* [tidak] betul ke, ada *gapo-gapo* [apa-apa] ke. Pegang *tu* [itu] *so* [satu], senang hidup, *hok* [yang] *tu* [itu] yang besar sekali. *Main point* [benda penting sekali], pegang prinsip *tu* [itu] sampai ke bila pun. Kita *tak* [tidak] jatuh, kita dapat sikit. Kalau *you* [kamu] makan gaji besar, RM3000 *you* [kamu] bagi *lalu* [terus]. *Spend* [guna] untuk *tu* [itu], banyak mana, *spend* [guna] untuk *tu* [itu] banyak mana. Nak buat *joli* [berbelanja], buat *joli* [berbelanja] juga,

tapi kita kena makan. Nak buat macam mana pun, tapi setakat yang kita ada. *Hok* [untuk] *taruk* [guna] anak *gi* [pergi] sekolah. Moga *loni* [sekarang ini], kena ada duit, sekolah kan tahu la. Saya kalau sekolah dulu, saya pernah penat. Masa dulu pun nasib baik kita sedang naik, budak geng-geng universiti *belako* [semua]. 300 budak pun yang pinjam *loan* [pinjaman] *tu* [itu], tpi *tu* [itu] nasib baik *loan* [pinjaman] *tak* [tidak] kena bayar masa *tu* [itu]. *Point* [mata] dia *tu* [itu] *molek* [bagus]. *Kak* [kakak] *sore* [seorang] *je* [sahaja] yang kena bayar, kalau *tak* [tidak] silap saya dulu. Habis dah, dia *tak* [tidak] kena bayar sebab *second class offer* [tawaran kelas ke-dua]. Nazri *point* [mata] cukup, 3 *point* [mata] berapa entah, dia arkitek sekarang. *Tak* [tidak] kena bayar *belako* [semua], *hok* [yang] tengah [anak ke-dua] kena bayar. Tapi *takpe* [tidak mengapa] la, dia bayar, dia dah kerja.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN

IK : **Sekarang kita masuk ke latar belakang pendidikan Tuan Haji?**

THAA : Pendidikan *takde* [tiada], FCE masa *tu* [itu]. *Gi* [pergi] *form* [darjah] 4 kena *gi* [pergi] *private* [swasta]. *Private school* [sekolah swasta] nak *gi* [pergi] bayar *takleh* [tidak boleh]. *Tak* [tidak] menang duit *pak* [bapa], kita kena cari juga *kot* [dekat] luar, tapi *takdan* [tidak sempat]. *So* [jadi], kena berhenti. Berhenti masuk dalam perniagaan.

IK : **Nama sekolah yang pernah Tuan Haji menuntut?**

THAA : Sekolah rendah *kat* [dekat] sini, Sekolah Menengah SIC.

IK : **Subjek kegemaran Tuan Haji?**

THAA : Oh, Matematik dengan Geografi *up* [naik] tiga. *Tak* [tidak] lepas dengan kredit *belako* [semua] kalau tiga. *Pasal* [sebab] *tak* [tidak] membaca, *literature* [sastera] ken abaca, bahasa Malaysia kena baca. Kan? Kalau Matematik tengok, *gerenti* [terjamin] kredit, geografi *gerenti* [terjamin] kredit. *Pasal* [sebab] dia banyak jawab *by drawing* [dengan melukis]. *Art* [seni] okay *pasal* [sebab] tangan kita tangan *art* [seni]. Beri *kat* [dekat] Nazri jadi arkitek, dia tangan *art* [seni].

IK : **Subjek yang kurang digemari Tuan Haji?**

THAA : *Literature* [sastera], dia panggil *godio* [apa] *literature* [sastera]?

IK : **Sastera**

THAA : Sastera, ha yang *tu* [itu] la kena membaca, empat lima butir buku nak kena baca (*ketawa*).

IK : Adakah Tuan Haji ada guru yang tidak dapat dilupakan?

THAA : Ha, guru yang *tak* [tidak] boleh lupa *tu* [itu], guru pelik. Guru pelik *ni* [ini], dia ada dua. Satu *hok* [yang] *style* [bergaya], satu lagi *hok* [yang] *komo* [kurang menonjol]. *Sek* [kamu] ini mesti *tak* [tidak] tahu ini, maksudnya yang *low profile* [kurang menonjol]. Tapi dia orangnya tegas, Datuk Khalid tu ada lagi dia tu, *duk* [duduk] dekat Taman Guru, kecil *je* [sahaja] dia *tu* [itu]. Tapi dia orang yang cukup tegas, kena cubik *sokmo* [selalu] *je* [sahaja], *pasal* [sebab] *gi* [pergi] sekolah balik. Dianya kerana dia *tu* [itu] dia punya personaliti *tu* [itu] tidak *style* [bergaya], *tu* [itu] dia tegas. Kalau dia kerja dia jadi DO, pukul lapan dia mesti dah *punch card* [kad kedatangan], dia *duk* [duduk] *mencakuk* [termenung] saja. Dia tegas, orang *gi* [pergi] bayar hasil, *pak* [bapa] dia sendiri pun *line up* [berbaris], dia *tak* [tidak] pernah *hok dulu* [yang pertama]. *Mu* [kamu] nombor sepuluh, *pak* [bapa] dia sendiri pun nombor sepuluh. *Hok* [yang] itu orang tegas, ada lagi dia *loni* [sekarang].

Hok [yang] *so* [satu] lagi, *hok* [yang] *style* [bergaya], DO juga. Nasim, Nasim dia pakai kereta sport masa itu, Jaguar sport T2. Kita minat *kot* [dekat] kereta. Ingat sampai ke *loni* [sekarang]. Meninggal dah dia, rapat dengan dia. Rumah dia kita *gi* [pergi]. Adik beradik kenal la, kalau dia ada situ kita singgah *lalu* [terus] dah. *Duk* [sedang] menyapu-yapu serupa serupa kita ini. Pak Cu dia, *dok* [tengah] ada

itu, kalau ada *tu* [itu], kalau ada *tu* [itu] dia *berperih-perih* [membersihkan] dalam longkang *gapo* [apa] itu. Dia pencen *tu* [itu], pencen belako dah *tu* [itu].

IK : Di sekolah dahulu, Tuan Haji ada rakan-rakan yang tidak dapat dilupakan?

THAA : Dia ada *sore* [seorang], *sore* [seorang] itu bukan ada *sore* [seorang] la, dia ada dua. *Sore* [seorang] itu *hok* [yang] naik, *hok* [yang] naik tu di sekelas *ni* [ini]. Dalam sebutir kelas ini, ada dia *sore* [seorang], *boleh* [dapat] jadi akauntan. *Loni* [sekarang] dia pegang jawatan setiausaha Kudin, Datuk Kudin, Tengku Armahum Kudin, Syarikat Seri Nilam. Ha dia *sore* [seorang] dalam kelas *tu* [itu], dia *top* [nombor pertama dalam kelas], dia *boleh* [dapat] jadinya, dia buat akauntan. *Hok* [yang] lain *tu* [itu] *hok* [yang] nakal. *Takleh* [tidak boleh] pakai, *duk* [tengah] berdakwah, ha yang tu *sore* [seorang] lagi. *Hok* [yang] rendah pun kita ada juga.

IK : Perkara yang Tuan Haji minat masa sekolah dulu? Macam masuk persatuan sama-sama dengan rakan?

THAA : Ohh, persatuan kita masuk mula dulu, kita Scout *je* [sahaja]. Dia displinkan, orang yang masuk Scout dia kena latih jadi disiplin.

IK : Tuan Haji sambung pengajian atau tidak selepas tamat persekolahan?

THAA : *Takde* [tiada], SCE tu *je* [sahaja]. SCE *tu* [itu] kalau *loni* [sekarang] dia panggil sijil rendah *je tu* [sahaja itu], *form* [darjah] 4. Dulu SCE boleh jadi cikgu dah. Boleh jadi cikgu dah, tapi kita *tak* [tidak] minat.

IK : Selepas SCE itu, bidang apa yang Tuan Haji ambil?

THAA : Lepas SCE *tu* [itu], habis dah sekolah. Lower Certificate of Education dia panggil, masa *tu* [itu] orang putih. Orang Melayu *takde* [tiada] lagi. Melayu baru nak masuk, baru nak daftar daripada sekolah rendah, dari darjah 6 tu nak *gi* [pergi] ke *form* [darjah] 1. Dia panggil *form* [darjah] 1 la, tingkatan 1 serupa *loni* [sekarang]. Masa tu *takde* [tiada], baru nak ada.

IK : Kenangan manis Tuan Haji?

THAA : Kenangan manis *tu* [itu], yang meniaga *tu* [itu] la. Naik niaga *tak* [tidak] manis dah (*ketawa*)

IK : Kenangan manis ketika zaman persekolahan?

THAA : Dalam sekolah *takde* [tiada].

IK : Kenangan pahit pula?

THAA : *Takde* [tiada], dia sama *je* [sahaja]. Kita bukan jenis *hok* [yang] itu-itu.

IK : Selepas sekolah itu Tuan Haji ada apa-apa perancangan?

THAA : Ingat nak sambung sekolah perancangannya, tapi *takleh* [tidak boleh]. Kena terus *gi* [pergi] berkawan, meniaga. Masa itu *takde* [tiada] orang Melayu meniaga, mana ada. Niaga macam-macam, masa itu mana ada, dalam tahun 1960 *takde* [tiada] lagi *belako* [semua]. Tahun 1960, 1963, 1964, 1969, sampai 1964 kerja jadi kerani kilang beras.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN DALAM PEKERJAAN

IK : Pekerjaan pertama Tuan Haji sebelum menjadi pengerusi KB18 ini?

THAA : Beras kita niaga, beras *pastu* [selepas itu] kereta Aman Razak. Lepas Aman Razak *tu* [itu] 1980, kita buat keluar, bukan keluar la, kita buat satu *company* [syarikat], Syarikat Bina Baru. Buat kontrak SF, *pastu* [lepas itu] *duk* [masih] dalam kereta juga lagi *tu* [itu]. *Pastu* [selepas] lepas naik kelas F *tu* [itu], naik kelas D, lepas kelas D *tu* [itu], baru KB18, kelas B. Apabila Abang Yo keluar dari universiti baru boleh buat lessen tu, *hok* [yang] kontrak, buat *housing* [perumahan], *developer* [pemaju].

IK : Apakah perasaan Tuan Haji ketika menjalankan tugas sebagai pengerusi di KB18 ini?

THAA : *Takde* [tiada] apa-apa, kita senang la. Gembira sebab anak boleh ambil alih dengan betulnya. Dengan harapannya *gitu* [macam itu] la. Sampai *loni* [sekarang] kita *tak* [tidak] *caro* [kisah] dah, kita *kira* [rasa] dia yakin la dengan pengalaman dia *tu* [itu], dia lama dah.

IK : Pengalaman yang Tuan Haji lalui ketika menjadi pengerusi ini? Pahit dan manis?

THAA : Manis masa jatuh, pahit sebab *takde* [tiada] kerja. *Takde* [tiada] kerja pahit la, ada kerja manis (*ketawa*).

Dia ada la, masa jatuh kerja *takde* [tiada]. *Lagu* [macam] itu la, saham jatuh, mari saham jatuh, ha itu pahit la. Nak boleh bangun pula bukan senang. Jatuh bangun adalah adat berniaga, pasal dia *takde* [tiada], *takde* [tiada] apa itu gear, dia roda.

IK : Sebelum menjadi pengerusi ini, apakah pengalaman yang Tuan Haji perolehi?

THAA : Banyak la, berniaga, macam-macam la. Kereta *gapo* [apa], kontrak. *Start* [mula] daripada macam-macam la, macam dulu *tu* [itu], dia *takde* [tiada] apa, nak kerja ini, nak niaga *gapo* [apa] kita nak niaga. Buku pun berniaga, *stationary* [alat tulisan], *kat* [dekat] sekolah-sekolah. Nak boleh ke *goni* [sekarang] ini, bukan senang. Banyak la niaga *ni* [ini], kalau *start* [mula] dari sekolah rendah, mula-mula niaga ais batu, niaga bulan puasa. Ais blok *tu* [itu], cari duit. Botol pun beli, jual botol (*ketawa*). Memang daripada bawah, *zero point* [dari tiada apa-apa]. Kalau bukan daripada *tu* [itu], apa nak bagi modal, nak boleh jadi bukan senang. Kita tahu keturunan kita *sesak belako*. [kebanyakannya susah]

IK : Sejak bilakah Tuan Haji memegang jawatan sebagai pengerusi KB18?

THAA : Dulu 1980, tahun 1980.

IK : Semasa menjadi pengerusi KB18, adakah Tuan Haji ada pekerjaan lain?

THAA : *Takde* [tiada] la, serupa *hok* [yang] tu la sampai sekarang.

IK : Adakah Tuan Haji pernah mengalami kekangan masa apabila memegang jawatan pengerusi KB18?

THAA : *Takde* [tiada], pencen dah. Masa mana?

IK : Masa menjadi pengerusi ini, ada masalah pengurusan masalah ke?

THAA : *Takde* [tiada]. Dia niaga *ni* [ini], apabila tiada masalah tiada la. Ketika ada masalah ada la masalah dia. Masalah kerja *tu* [itu], ada masalah duit *takde* [tiada], duit *tak* [tidak] cukup, niaga ni modal *je* [sahaja].

IK : Perasaan Tuan Haji apabila dapat memegang jawatan sebagai pengerusi KB18 ini?

THAA : Biasa la sebab daripada *hok* [yang] kita sendiri dah. Melainkan kita ada *company* [syarikat] itu besar, orang *duk* [ada] pegang dah. Nak melobi ke apa *tu* [itu], kita ada la kan. Ni *takde* [tiada], *ni* [ini] kita sendiri. *Takde* [tiada] la, *no comment* [tiada komen]. *Hok* [yang] kita sendiri *takpe* [tidak mengapa]. Orang keliling nak kata apa? Orang kerja kita gaji dia, dia nak komen apa kita, asal gaji dia kita bayar, tiada masalah.

IK : Pada pandangan Tuan Haji, adakah pekerjaan dahulu ada kaitan dengan pekerjaan masa sebelum Tuan Haji menjadi pengerusi?

THAA : Dia naik *gitu je* [macam itu sahaja]. *Pasal* [sebab] *hok* [yang] kita sendiri semua. Kita tidak kerja dengan *ore* [orang] ini, kita sendiri. Kalau besar kita buat besar-

besar sikit, *manage* [urus] cara lain sikit. Apabila besar daripada ribu ke puluh ribu ke ratus ribu ke juta, kita terasa itu la, *mana* [maksudnya] kita boleh *manage*. Jadi orang lain tu *gi* [pergi] buat degree *gapo* [apa], akauntan *gapo* [apa] nak *manage* [urus] benda *lagu* [macam] itu. Kita daripada *low profile* [kurang menonjol], kita boleh *gi* [pergi] *manage* [urus] benda itu sampai juta, 4, 5, 6 juta, 10 juta sekepala pun, *takde* [tiada] apa-apa. Tapi *assistant* [penolong] kita *takde* [tiada] la, kalau kontraktor, engineer kita ada, PUA QS kita ada. Nampak, dia akan report *gitu* [macam itu] sahaja. Kalau benda kerja *tu* [itu] *tak* [tidak] tergendala, okay la, *takde* [tiada] masalah la lagi. Itu la, kalau *loni* [sekarang] pula kita *takkan* [tidak akan] ambil hal la *pasal* [sebab] orang professional *belako* [semua]. Ha nampak, semua professional, meeting pun kena petik, tender pun kena petik. Kita *tokse* [tidak mahu] belajar *tokse* [tidak mahu] ambil hal ini dulu kerana harapkan kita nak tinggal dah benda ini, nak *duk* [duduk] lena. Kalau *duk* [duduk] belajar *loni* [sekarang] lepas *setara setara* [satu satu] dok? Kita pun sibuk, kita pun malas *gi* [pergi], dia *gi* [pergi] meeting *gi* [pergi] la *gapo-gapo* [apa-apa]. Kita serah dekat dia, *takde* [tiada] apa-apa, malas. *Hok* [yang] tu pakai telefon *lagu ni* [macam ini], ada tapi *tak* [tidak] guna. Dah marah suruh beli, *tak* [tidak] beli. *Takpe* [tidak mengapa] la, kita *lagu ni* [macam ini] *tak* [tidak] kisah. Letak *hok* [yang] ini *je* [sahaja] la, *ore* [orang] *takleh* [tidak dapat] cari, pelik apa. *Lagu tu je* [macam itu sahaja] la, apa-apa kita buat sendiri. Turun naik itu adalah asam garam dalam meniaga, *takleh* [tidak boleh] takut la *hok* [yang] itu. Dia kena

wajib, wajib kena *tu* [itu]. Itu la, masalah *ni* [ini] ada *belako* [selalu]. *Sapo* [siapa] dia pun ada masalah, budak pun ada masalah. Cikgu ke, apa dia ke, itu la.

IK : Sepanjang masa memegang jawatan sebagai KB18 ini, ada kenangan yang Tuan Haji tidak dapat lupa?

THAA : Ada, takut projek kita *tak* [tidak] siap la, itu la. Ada la tempat-tempat itu ini, kita nak cari. Maknanya ada la *tension* [tekanan] *pasal* [sebab] duit, duit *gapo* [apa] *tak* [tidak] cukup. *Progress* [perkembangan] *takdan* [tidak sempat] mari, duit nak, tu je [sahaja]. Orang niaga lagu itu *je* [sahaja]. Apabila kurangnya duit, bukan kekurangan duit itu duit *takde* [tiada], duit *tu* [itu] *tak* [tidak] sampai. Dalilnya, nak *oyapnya* [cakapnya] ini, duit claim [tuntutan], *hok* [yang] itu ini, *hok* [yang] nak mari ini, engineer ni, nak mari nak bayar duit *hok* [yang] *ore* [kita] ni dalam 300 ribu. (sedang menelefon)

Pinjam *pitih* [duit] pak saudara Din la, pak saudara itu mak datuk Din. Pinjam 200 ribu, tapi *pitih* [duit] ada, *claim* [tuntutan] itu dia, nak pinjam 300 ribu dalam tiga bulan dah. *Takpa* [tidak mengapa] la, tiga bulan nanti bayar dah, ada tapi *tak* [tidak] sampai. *Pitih* [duit] ada la tapi *tak* [tidak] mari lagi. *Tu* [itu] la, niaga *lagu tu* [macam itu] la. Takut *gapo* [apa], niaga la. Nak *oyap* [cakap], *oyap* [cakap] yang betul la. Biar *oyap* [cakap], *oyap belewok* [cakap berlawak], tapi *claim* [tuntutan] kita dua juta.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: MENGENAI SYARIKAT

IK : Dalam bidang pengerusi ni [ini], boleh Tuan Haji jelaskan serba sedikit mengenai syarikat ini KB18

THAA : Syarikat KB18 ni [ini] maknanya, asalnya Syarikat Bina Baru, pada bina baru tu [itu] apabila setakat kelas D ni [ini] kecil sahaja, untuk sini je [sahaja], ada apabila kita buat, kita itu KB18 tu [itu] dulu pertama tak [tidak] reject [tolak] daripada ROC, reject [tolak] yang kedua apabila buat nama glamour [terkenal] kita la, tu [itu] dia okay, dia benarkan untuk daftar, tu jah [itu sahaja], tak [tidak] ada apa apa, nak kelainan, pasal nombor ni [ini] jarang tak [tidak] ada lagi orang buat nombor, daftar ni [ini] dengan nombor, kerajaan marah mulanya tak [tidak] benar, kalau daftar nombor, pakat [semua] nak nombor la (ketawa). Nak boleh gah [hebat], trademark [tanda dagangan] boleh dengan nombor, daftar perniagaan tak [tidak] berjaya tapi saya buh [letak] boleh masa tu [itu] la, select [pilih] tak [tidak] boleh, yang kedua baru boleh, tu [itu] lah bendanya, tak [tidak] ada masalah, dan budak pun tak [tidak] setuju mula-mula, apabila sekarang baru dia tahu, dia pergi mana pun orang kenal, kereta pun pakai KB18 dah, kita pun dah establish [menubuhkan] la maknanya Kota Bharu Kelantan la, macam tu [itu] la tak ada masalah.

IK : Ketika Tuan Haji mula-mula tubuhkan syarikat itu, berapa ramai ke staf yang kerja dalam itu?

THAA : Iya [Ada lah] tiga orang je [sahaja]. Tiga sekali empat driver [pemandu]. Nasroon dengan assistant [penolong], pengurus, lepas tu akauntan seorang lepas tu runner

[pelari], empat orang *ja* [sahaja]. Sekarang ini lima lah, bahagian *sales* [jualan] seorang.

IK : Syarikat ditubuhkan dengan menggunakan bajet sendiri ataupun?

THAA : Ohh, sendiri, tak ada bergantung orang, solo, *zero point* [titik kosong]

IK : Matlamat syarikat KB18?

THAA : Matlamatnya nak suruh anak-anak, *company* [syarikat] apabila kita *target* [sasaran] dia *ni* [ini] maknanya bila dia belajar dia belum tentu boleh pergi kemana hala tuju, kan? Pasal keluar *tu* [itu] nak ada kerja sebelum kerja *tak* [tidak]? Tak ada orang nak berniaga macam mana pak [bapa] kita sesak, kalau sekarang kalau mahu berniaga kena ada duit *tak* [tidak]? Sepuluh, dua puluh ribu kita buat kerja dah sekarang. Seratus pun boleh mengayat dulu, kita nak cari mana dalam kampung haa? Haa itu *jah* [sahaja]. Apa dia tadi? Tak ada *share* [kongsi], *share* [kongsi] rumah kita bagi ke anak-anak, apabila kita meninggal, *share company tu* [saham syarikat itu] dia kan [akan] bagi. Itu lah, ada harta *company* [syarikat] ke banyak mana *tu* [itu] duit *tu* [itu] dia punya pasal. Jalankan, tak ada apa-apa, cepat cepat *tak* [tidak] apa.

IK : Syarikat KB18 ini adakah sudah mencapai *target* [sasaran] nya?

THAA : *Target* [sasaran] *tak* [tidak] sampai, apabila budak target dia *tak* [tidak] sampai, dia kena pergi lagi, sekarang baru B baru, dia kena pergi A, kan? Lesen B *ni* [ini]

sepuluh juta kebawah *saja* [sahaja], A *ni* [ini] kalau besar maksud dia tujuh belas juta. (*batuk*). *Target* [sasaran] *tak* [tidak] la, budak akan sambung *target tu* [sasaran itu], saya *ni* [ini] habis la *target* [sasaran] nya, cukup dah. Kalau dia *maintain* [kekalkan] yang *tu* [itu] sudah cukup. Tak perlu berlari lagi, takut jadi masalah, berhati-hati bila buat kerja, pasal sekarang ini orang cerdik-cerdik belaka. Kadang-kadang pun Dato' pun menipu, mula-mula kita mengunjung datuk *tak* [tidak]? Kadang-kadang datuk kena *jail* [penjara]. Faham tak? Kena jaga yang itu satu. Nak harapkan orang mengiklankan mulut lah yang manis, *tak* [tidak] sudah nak harap lah nak cakap apa, *tak* [tidak] ada bagi saya *tak* [tidak] ada bukti. Haaa dia nak mari kerja, kerja apa? *Lagu* [macam] mana? Serupa orang bomoh nak buat *pitih* [duit] lah. Ada *tak* [tidak]? Orang itu pandai *tak* [tidak] bomoh buat *pitih* [duit]. Pergilah tengok rumah dia *lagu* [macam] mana. Atap *jah* [sahaja]. Macam mana buat *pitih* [duit], *tak* [tidak]? Nak fikir dengan *logic* [masuk akal], bunyi *pitih* [duit] nak belaka lah. Yang *tu* [itu] *hak* [nak] kena apa *tu* [itu], yang undi apa dia panggil? Cabutan buah? *Tu* [itu] lah yang sampul surat *duk* [nak] *berigak* [ditangkap] apa *tu* [itu]? Boleh hadiah kereta minta *pitih* [duit] dulu? Haa, gores dan menang itu dia belaka *tu* [itu]. Dah dia ada *pitih* [duit] benda *lagu* [macam] *tu* [itu]. Okay. *Hak* [yang] *tu* [itu] kena balaka, *hak* [yang] mana buat semua kena, *tak* [tidak]? *Tak* [tidak] ada seorang habuk dia dapat untung, tapi orang *gomo* [lawan] jugak la sebab gila *aim* [sasaran] dia *tu* [itu]. Ah nak kaya cepat. Bukan sah kadi. *Nuh* [itu] *hak duk* [yang nak] kena *tu hak* [itu yang] Dato' apa, *hak* [yang] Amerika *hak* [yang] nak buat mari orang apa? Algeria apa

tak [tidak]? Nak buat *pitih* [duit] nak buat mari kontena *duk* [sedang] lekat di *nuh* [situ] telefon, kastam sendiri telefon, tengok dia berlagak. Dunia hari *ni* [ini]. Dia dah ada *pitih* [duit] dah. Berjuta-juta dah *pitih* [duit]. *Kalu* [kalau] kita nak baca apa. Nak *oyap* [beritahu] ke anak cucu. Ke nak baca dia duit banyak *tu* [itu]. *Bakpo* [kenapa] dia nak buat lagi. Ke nak baca *lagu* [macam] mana? *Ambo* [saya] boleh baca. Duit *tu* [itu] asal *tak* [tidak] betul dah. Duit dia *tu* [itu] asal *tak* [tidak] betul dah, *corrupt* [rosak] ke, *tak* [tidak]? Dia panas duit itu *gak* [juga], buat *tubik* [keluar] situ, cuci la *mu* [kamu] sikit (*ketawa*). Nanti berebut *hok* [yang] *tu* [itu] pulak. Tidak dah ada dah juta-juta buat apa lagi? Orang pulak orang negro apa *tu* [itu] Algeria kan? Yang buat *goni* [benda ini]. *Tak* [tidak]? Ada surat khabar kan? Ha? Depan kastam dia boleh berlagak lagi *tak* [tidak]? *Loni* [sekarang] orang *tino* [perempuan] sendiri pandai merompak. Dah? Tak canggih? *Hok* [yang] *tu* [itu] kena otak kita kena fikir. Haa *tu ja* [sahaja] nak *oyap* [beritahu]. Saya tahu saya pengalaman. Haa tanya apa lagi. Tanya lagi banyak sebab *tu* [itu]. Tanya lagi.

IK : Tuan Haji ingin mengembangkan lagi syarikat?

THAA : Saya *tak* [tidak] dah. Orang yang ambil alih. Memang la. Haa, memang la dia nya. Takkan sampai tahap dia lagi *lagu* [macam] *tu* [itu], *tak*? Dia orang *educated* [berpelajaran], professional. Dia QS, mana? Nasroon? Dia QS ni sakit kepala. Takkan *duk* [nak] main *lagu* [macam] *ni* [ini]? *Ambo* [saya] *tak* [tidak] *ngaji* [belajar] *lagu ni* [macam ini] *staro* [tahap] ni. Dia orang *mengaji* [belajar], *tak* [tidak]? Patut dia ada staf dalam 14, 15 orang. *Tu* [itu] jela. *Ni* [ini] habis dah,

padan dah lah. Pencen dah. Main *lagu ni* [macam ini] *tak* [tidak] nak la dah main *lagu ni* [macam ini] (*ketawa*). Kembang dah ada idea la, dia berkembang dia ambil alih la. Ambil alih *setaro* [tahap] *ni* [ini] buat apa. *Sain-sain* [kawan kawan] dia duduk Kuala Lumpur buat apa yang *biso-biso* [hebat-hebat] takkan boleh cari kerja nya. Bodoh. *Tu je* [itu sahaja] la. Tahap saya memang tahap *tu* [itu] jah. Setakat nak *glamour* [terkenal] dalam negeri *jah* [sahaja]. Dalam daerah. Di Kota Bharu. Yela Kelantan mana-mana pun *tak* [tidak] apa kita buat, mana-mana pun *tak* [tidak] apa. Dia kena ambil Malaysia pula.

IK : Projek yang pembangunan *tu* [itu], Tuan Haji pernah buat dekat area Kota Bharu sahaja ke?

THAA : Oh, seluruh. Machang, Pasir Puteh.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN

IK : **Kalau Machang, projek mana?**

THAA : Machang kita buat *housing* [perumahan]. Machang boleh dikatakan 10, 20 tahun, 200 unit. Kita ada Machang satu taman yang rasa siap dah satu, dua, tiga. Tiga taman. Yang nak buat nya, *loni* [sekarang] tengah buat nya satu taman di Pek, *pastu* [selepas itu] suruh Din *engineer* [jurutera] tadi, habis sekolah suruh buat di Machang satu taman, Nasroon buat satu taman. Kita Machang *tak* [tidak] habis. Kita Machang *tak* [tidak] ada masalah.

IK : **Dalam banyak-banyak kawasan Kelantan ini mana satu yang paling banyak projek?**

